



GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT SECARA MENEGAK

- *Untuk kegunaan Pelajar Kemasukan Kategori Diploma sahaja*

1. "Pemindahan kredit secara menegak" bererti kursus yang dikecualikan bagi seorang pelajar daripada mengambil semula kursus-kursus yang setara yang telah diambil daripada kolej/institusi pascapendidikan menengah (kolej/IPTA/IPTS) di dalam dan diluar negara.
2. Kursus yang diluluskan akan diberikan gred Dikecualikan (DK). Gred DK tidak dikira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan ia diambil kira sebagai sebahagian dari Jumlah Kredit bagi tujuan pengijazahan;
3. Syarat pemindahan kredit secara menegak adalah:
 - a) Kategori pelajar dalam Skema Pengecualian Kredit adalah Pelajar yang khusus mengambil kursus di peringkat Diploma/Sijil atau setaraf dengannya;
 - b) Hasil pembelajaran dan kandungan kursus yang setara dalam kedua-dua program mestilah mempunyai persamaan tidak kurang dari 80%;
 - c) Perbezaan magnitud kredit yang hendak dipindahkan itu tidak melebihi 10% daripada kursus setara yang ada di UKM;
 - d) Kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi daripada MQA, badan profesional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan dan telah diluluskan oleh Senat;
 - e) Pelajar berkenaan mendapat gred tidak kurang dari C atau yang setara dengannya; (*Pelajar Fakulti Pendidikan yang mempunyai Diploma/Sijil Perguruan dikecualikan daripada peraturan ini (Senat ke-315)*);
 - f) Kursus berkenaan tidak melebihi 5 tahun dari tarikh permohonan;
 - g) Kredit yang dipindahkan secara menegak **tidak boleh melebihi 30% (diploma) dan 60% (diploma lanjutan)** daripada jumlah beban kredit sesuatu program;
 - h) **Pengecualian sesuatu kursus pengajian hanya dibenarkan pada Semester 1, Tahun 1 sahaja.**
4. Permohonan untuk pemindahan kredit secara menegak (Borang UKM/PPPS/B/P031AK07/1 (Semakan 6)) yang boleh diperolehi melalui capaian di SMPweb pelajar. Borang ini perlu dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Akademik **selewat-lewatnya pada minggu ke-4 semester pertama sesi pembelajaran bermula bersama dengan perkara dibawah:**
 - a) Resit bayaran wang proses sebanyak **RM100.00** atas nama Bendahari UKM (**bagi pelajar ASASipintar UKM dikecualikan bayaran wang proses**)
 - b) Mengemukakan **transkrip atau keputusan peperiksaan Diploma berkenaan yang telah disahkan bersama sinopsis/kandungan kursus dari mana-mana IPTA/IPTS dalam dan luar negara yang diiktiraf untuk semakan;**
5. Fakulti/Pusat berhak menetapkan atau mengenakan syarat-syarat tertentu untuk pelajar, jika perlu dalam bentuk temu duga atau peperiksaan khas;
6. Keputusan permohonan akan dimaklumkan terus kepada pelajar oleh Fakulti/Pusat yang meluluskan **selewatnya pada minggu ke-6;**

Pusat Pengurusan Akademik
21-08-2017 (Semakan 6)